



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN TENDER

Tender ini terbuka kepada Kontraktor-kontraktor yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No. Tender : KPLB.T.35/2018 PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI NEGERI PERAK TAHUN 2015	Berdaftar dengan: i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) - Gred G5 Sahaja - Pengkhususan CE20 (Sistem Bekalan Air) DAN ii) SPKK - Gred G5 Sahaja - Kategori CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)	<u>Taklimat Tender</u> Tarikh: 5 November 2018 (Isnin) Masa Pendaftaran: 9.30 pagi – 10.00 pagi Masa Taklimat: 10.00 pagi Tempat: Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu, Daerah Kecil Pengkalan Hulu, 33100 Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan.	Tarikh Dijual: 7 November 2018 hingga 21 November 2018 Waktu: 9.00 pg - 12.30 tgh 2.30 ptg - 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 9.00 pg - 11.30 pg 3.00 ptg - 4.30 ptg (Jumaat)	Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Aras 15, No.47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Harga Dokumen: RM380.00	Tarikh Tutup: 30 November 2018 (Jumaat) Waktu: 12.00 tengah hari Tempat: Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

- Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskhah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** pada waktu pejabat.
- Dokumen Tender **hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang ditauliahkan seperti PENAMA di dalam Sijil CIDB**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta **salinan-salinannya. (SALINAN SIJIL DAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN YANG DISERTAKAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)**
- Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** sebagai bayaran Dokumen Tender. **Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.**
- Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya Kontraktor yang hadir sahaja akan **dibenarkan MEMBELI** Dokumen Tender. Petender perlu membawa Sijil Pendaftaran ASAL dan salinan bagi SPKK, CIDB untuk semakan dan **hanya PENAMA yang ditauliahkan di dalam Sijil Pendaftaran SPKK, CIDB SAHAJA DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT TENDER, LAWATAN TAPAK DAN MEMBELI DOKUMEN TENDER**. Kontraktor yang **hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
- Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
- Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan **Kementerian tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang **kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.**
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat:-

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
ARAS 15, No. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**